

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 6 DISEMBER 2006, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 24

MENGANGKAT SUMPAH

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1133-L1929
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan langkah yang telah dilaksanakan untuk menyokong pembangunan 'jenama' yang berpotensi tinggi. Apakah jenama nasional yang sudah mampu bersaing di peringkat antarabangsa.
2. PN-1133-L1542
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah strategi Kerajaan untuk memastikan pelan rancangan dan strategi pembangunan Malaysia di dalam RMK-9 akan terlaksana dan berupaya dicapai di dalam jangka waktu yang telah ditetapkan memandangkan iklim ekonomi dunia yang tidak menentu dan kos pembangunan yang semakin meningkat.
3. PN-1133-L1591
Ir. Hiang A Li minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk merombak semula sistem pentadbiran dan pelaburan Khazanah Nasional memandangkan pembangunan sektor tertentu ekonomi negara.
4. PN-1133-L1335
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menggalakkan pendidikan dewasa ('adult-education') di IPTA.
5. PN-1133-L1348
Tuan Ismail bin Kasim minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah strategi Kerajaan dan agensi untuk memperbanyakkan lagi peluang-peluang perniagaan terutama di kalangan usahawan bumiputera di Negara China dan India memandangkan kedua-duanya merupakan kuasa baru ekonomi dunia.

6. PN-1133-L1558
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai cadangan menyambung perkhidmatan feri bertambang murah antara Malaysia Barat dengan Malaysia Timur. Adakah keadaan ini akan menambahkan bilangan pelancong dari Malaysia Barat ke Malaysia Timur dan sebaliknya.
7. PN-1133-L1412
Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan tidakkah Kementerian bercadang mengkaji semula undang-undang yang sedia ada untuk membolehkan semua filem-filem yang ditayangkan di luar negara mengenai Malaysia hendaklah melalui Lembaga Penapisan Filem terlebih dahulu, bagi mengelakkan gambaran negatif dan yang tidak tepat serta bertentangan dengan dasar Kerajaan disebar luas di luar negara.
8. PN-1133-L1788
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh mana kegunaan beta-agonists untuk penternakan di Malaysia dan jenis ternakan yang terlibat, apakah sistem kawalan yang diguna pakai dan sejak tahun 2000 berapa kes kegunaan beta-agonists dikesan bagi setiap tahun.
9. PN-1133-L1729
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan sudah bersedia untuk menubuhkan sebuah Kementerian khas bagi hal ehwal maritim, ini kerana Malaysia sebagai sebuah negara maritim perlu mempunyai sistem pengurusan zon maritim yang menyeluruh dan berkesan. Kebergantungan kita kepada kepentingan laut amat penting untuk perdagangan dan sumber aslinya perlu diberikan penekanan serius.
10. PN-1133-L1664
Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan berapakah jumlah usahawan di antara kaum-kaum seperti Bumiputera, Cina dan India telah dapat diwujudkan di negara ini. Nyatakan di sektor manakah penglibatan mereka ini.
11. PN-1133-L1645
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah tindakan yang boleh diambil terhadap penghantaran SMS (Sistem Pesanan Ringkas) yang berbaur fitnah dan berunsur lucah yang menggunakan nombor telefon individu yang tidak langsung mengetahui berkenaan SMS tersebut.
12. PN-1133-L1874
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan badan khas yang mengawal mutu air paip di seluruh negeri dan adakah maklumat kebersihan atau kekotoran mutu air ini dimaklumkan kepada pengguna supaya mereka dapat mengambil langkah menjaga kesihatan keluarga masing-masing.

13. PN-1133-L1568
Datuk Dr. Lee Chong Meng minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengelakkan penyelewangan dalam pengagihan minyak diesel subsidi RM1 seliter yang dimaksudkan untuk beribu-ribu nelayan di negara kita daripada diraih keuntungan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab.
14. PN-1133-L1945
Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil terhadap pihak media yang membuat kenyataan palsu atau fitnah di media cetak terhadap seseorang individu atau pihak-pihak tertentu sehingga boleh menjejaskan nama baik dan ekonomi negara dan sejauh manakah keberkesanan tindakan tersebut.
15. PN-1133-L1895
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan untuk keberkesanan pencegahan (deterrent effect) yang maksimum mengikut pepatah yang mengatakan jenayah tidak mendatangkan keuntungan (crime does not pay):-
- (a) mengapakah Kerajaan tidak mengumumkan siapa yang akan dan sudah menjalani hukuman gantung sampai mati bagi semua kes dan bukan yang tertentu sahaja; dan
 - (b) publisiti mengenai kes sebegini akan memberi kesedaran kepada orang ramai supaya mengelak daripada melakukan kesalahan jenayah yang membawa hukuman mati.
16. PN-1133-L1420
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :-
- (a) statistik pelajar-pelajar luar negeri yang mengikuti kursus di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta; dan
 - (b) adakah Kementerian memantau aktiviti mereka di luar kampus supaya mereka tidak melibatkan diri dalam aktiviti selain daripada bidang pelajaran.
17. PN-1133-L1717
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menyambung pembinaan LRT dari Sentul Utara ke Kepong dan Sri Damansara, memandangkan kadar kemalangan yang paling tinggi di Wilayah Persekutuan adalah di Jalan Kepong.
18. PN-1133-L1679
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan usaha dan strategi bagi melahirkan lebih ramai pemandu pelancong yang berkemampuan bertutur dalam berbagai bahasa terutamanya di kalangan graduan-graduan yang masih mencari kerja.

19. PN-1133-L1362
Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk merangka suatu pelan tindakan bersepadu bersama Kementerian Kesenian, Kebudayaan & Warisan dan Kementerian Penerangan agar dapat melaksanakan amalan-amalan yang murni supaya pelajar kita lebih bertamadun agar ia dapat menjadi budaya yang integral dalam masyarakat.
20. PN-1133-L1981
Datuk Yaakob bin Haji Mohammad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah sasaran jumlah kutipan hasil cukai daripada Kastam DiRaja Malaysia untuk tahun 2006 hingga 2010 dan berapakah pula jumlah anggaran kutipan hasil cukai yang tidak dapat dipungut untuk tempoh 2000-2005 dan adakah jumlah keseluruhan anggota Bahagian Penguatkuasa Kastam yang sedia ada hari ini mencukupi bagi menampung beban tugas yang semakin mencabar.
21. PN-1133-L1646
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah Kementerian sedar terdapat kewujudan pusat siber yang beroperasi atau menawarkan perkhidmatan yang sama seperti pusat kafe siber tetapi tidak perlu memohon lesen daripada pihak berwajib. Apakah tindakan Kementerian bagi menangani masalah tersebut.
22. PN-1133-L1793
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah rasionalnya ditubuhkan Kelab Sahabat Kemas dan keberkesanannya di dalam mengurangkan kadar kemiskinan masyarakat luar bandar.
23. PN-1133-L1700
Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan status terkini FTA dengan Amerika Syarikat dan parameter-parameter yang menjadi landasan bagi perjanjian ini. Apakah mekanisme dalaman yang digunakan bagi mengimbangi inflasi bagi barangan import yang tertakluk kepada perjanjian dua hala ini.
24. PN-1133-L1532
Dato' Haji Idris bin Haji Buang minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan pandangan Kerajaan mengenai cadangan agar Mat-Mat Rempit diperangi habis-habisan seperti penagih-penagih dadah diberi kaunseling dan dibaik-pulihkan secara demikian supaya mereka menjadi insan yang berguna.
25. PN-1133-L1386
Tuan Gooi Hoe Hin minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada dari 562 ekar tanah Pusat Kusta Negara, Sungai Buloh telahpun diswastakan untuk pembangunan selain dari 40 ekar yang akan diserahkan kepada Universiti Teknologi Mara (UiTM) untuk dijadikan tapak Fakulti Perubatan UiTM.

26. PN-1133-L1490
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik jumlah pegawai kanan wanita di setiap Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan.
27. PN-1133-L1965
Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tindakan yang telah dan akan diambil bagi memastikan pekerja asing yang masuk bekerja di negara ini benar-benar bebas daripada sebarang masalah kesihatan seperti penyakit berjangkit.
28. PN-1133-L1581
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah kemajuan yang diperolehi dalam melicinkan lagi sistem penyampaian (delivery system) yang sedia ada. Jika belum memuaskan, apakah langkah-langkah selanjutnya yang patut diambil untuk mencapai tahap yang cemerlang.
29. PN-1133-L1467
Che Puan Sri Kelana D'raja(Dr) Datin Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan sejauh mana penguatkuasaan bagi membendung blog dalam internet yang menyiarkan bahan berunsur hasutan, fitnah atau bercanggah dengan undang-undang.
30. PN-1133-L1909
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah dasar Kerajaan mengenai pekerja asing yang banyak menyumbang kepada pengangguran dalam negara. Apakah Kerajaan tidak membuat kajian khusus mengenai kecenderungan pekerja Malaysia dan sikap syarikat-syarikat di Malaysia yang mengutamakan keuntungan dan tidak patriotik langsung dengan mengutamakan pengambilan pekerja asing.
31. PN-1133-L1689
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bilangan/jumlah koperasi yang telah ditubuhkan dengan kerjasama Kementerian sehingga pertengahan 2006 dengan pecahan mengikut negeri dan berapakah jumlah yang tidak berjaya dan telah ditutup serta puncanya.
32. PN-1133-L1582
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian bagi mengurangkan kejadian ragut yang berkaitan dengan mat rempit. Kebanyakan anak muda yang menganggur terlibat dalam kancah mat rempit ini, mereka terlalu berkuasa di atas jalan raya sehingga menyebabkan banyak kemalangan ke atas penggunaan jalan raya yang lain.

33. PN-1133-L1674
Tuan Hii Tiong Kuoh minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah lebuhraya dari Kuching ke Lawas di negeri Sarawak akan dimulakan. Ini adalah memandangkan bahawa Sarawak masih menghadapi masalah pengangkutan yang kurang memuaskan jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia.
34. PN-1133-L1859
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan program pembangunan insan yang sistematik yang telah dijalankan oleh Kementerian sejak tahun 2004, dan bilangan belia yang terlibat.
35. PN-1133-L1443
Tuan Ahmad bin Hussin minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan perolehan kontrak pembekalan oleh Petronas daripada Kerajaan China adalah langkah pertama Kerajaan untuk menapakkan GLC di negara tersebut. Apakah perancangan seterusnya untuk membuka peluang pula kepada usahawan kecil dan sederhana untuk meneroka pasaran Negara China, bagaimanakah golongan ini akan dapat ditingkatkan persaingan dan di dalam bidang apa yang dapat menguasai pasaran China sedangkan negara itu terkenal dengan jolokan "boleh mengilang apa sahaja produk".
36. PN-1133-L1898
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah yang akan dilakukan oleh Kerajaan melalui RMK-9 untuk memastikan agar matlamat pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (BCIC) akan mencapai kejayaan. Apakah kekayaan yang seimbang hanya boleh tercapai melalui strategi BCIC.
37. PN-1133-L1518
Dato' Haji Idris bin Haji Buang minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah dasar dan langkah-langkah Kerajaan untuk menarik minat dan penglibatan golongan muda dalam usaha dan keyakinan mereka supaya mengambil pertanian sebagai mata pencarian mereka yang serius.
38. PN-1133-L1376
Tuan Gooi Hoe Hin minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada mata pelajaran Perlembagaan Persekutuan diperkenalkan di sekolah-sekolah supaya penuntut-penuntut memahami semangat dan jiwa negara yang termaktub dalam Perlembagaan.
39. PN-1133-L1985
Datuk Chew Yun Ming minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan terdapat pelbagai jenis barangan buatan China di pasaran pada hari ini. Ia terdiri daripada pelbagai jenis kualiti. Apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan di dalam melindungi hak pengguna agar tidak tertipu dengan kualiti barangan yang disangka berkualiti tinggi tetapi pada hakikatnya ia berkualiti rendah.

40. PN-1133-L1776
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan :-
- (a) jumlah projek perladangan orang asli yang telah diusahakan oleh agensi RISDA dan FELCRA sehingga kini dan sejauh manakah kejayaan projek perladangan orang Asli ini telah membantu meningkatkan taraf ekonomi mereka; dan
 - (b) mengapakah sehingga kini hanya sejumlah kecil sahaja daripada projek perladangan yang telah lama diusahakan diserahkan pengurusannya kepada orang asli sendiri.
41. PN-1133-L1402
Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah-langkah yang harus diambil oleh Kerajaan bagi urusan ambil milik tanah-tanah perkuburan yang terletak di ladang-ladang.
42. PN-1133-L1770
Tuan Tay Puay Chuan minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan ke atas perubahan kehidupan nelayan dengan pengenalan E-Kad untuk mengisi minyak dengan harga subsidi RM1 seliter.
43. PN-1133-L1538
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan persediaan guru-guru bahasa Tamil yang akan mengajar bahasa Tamil sebagai bahasa komunikasi di Sekolah-sekolah Kebangsaan pada tahun 2007. Berapa ramai di antara mereka yang terlibat.
44. PN-1133-L1740
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tidak ada satu peraturan bagi menghalang pegawai bank yang selalu mendesak dan mengganggu orang-orang kenamaan untuk melabur dalam saham 'mutual' atau 'trust'.
45. PN-1133-L1751
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh manakah penggunaan 'kotak hitam' di dalam bas-bas ekspres bagi mengatasi masalah kemalangan jalan raya yang mana sejak akhir-akhir ini kadar peningkatan kemalangan maut amat membimbangkan khususnya membabitkan perkhidmatan pengangkutan awam.
46. PN-1133-L1345
Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan peranan dan program-program Kementerian bagi memperkasakan belia-belie di desa agar mereka juga dapat diserapkan dengan nilai-nilai dan sahsiah yang membawa kepada personaliti unggul ataupun "towering personality".

47. PN-1133-L1570
Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd Zabidin minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah program Kerajaan untuk menggalakan generasi belia supaya berminat dan terlibat dalam sektor pertanian.
48. PN-1133-L1440
Tuan Chih Tiang Chai minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang dirancang serta usaha untuk melakukan penambahbaikan ke atas masalah 28% daripada 437,896 pelajar yang tidak dapat menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi memandangkan mereka merupakan pemangkin dan sebahagian modal insan yang penting ke arah merealisasikan Wawasan 2020.
49. PN-1133-L1955
Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah dalam perancangan Kementerian untuk membina kompleks "National Memorial" yang merangkumi muzium, padang perbarisan, tanda peringatan perjuangan pahlawan (bukan tugu), tanah perkuburan dan madrasah bagi memperingati jasa-jasa dan perjuangan pasukan keselamatan khususnya tentera.
50. PN-1133-L1787
Tuan Lee Sing Chooi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan mesyuarat jawatankuasa di peringkat tertinggi bagi memantau Rancangan Malaysia Ke-9 telah diadakan dan apakah hasil keputusan mesyuarat-mesyuarat tersebut dan cabaran yang dihadapi.
51. PN-1133-L1495
Tuan Lee Chee Keong minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan sejauh manakah usaha Kementerian menggalakkan penggunaan tenaga suria di Malaysia dan apakah insentif-insentif yang pernah dan akan diberikan kepada pengguna-pengguna tenaga suria.
52. PN-1133-L1465
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada Kementerian ada menjalankan penyelidikan mendalam bagi menepati kehendak di ladang dan di kilang serta mengenali pasaran dan ciri-ciri ekonomi bagi membolehkan Kementerian membuat unjuran berhubung permintaan terhadap nilai komersil hasil perladangan untuk Program Pembangunan Ladang Rakyat oleh FELCRA yang meliputi kawasan seluas 2,500 hektar.
53. PN-1133-L1430
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan bahawa maklumat dalam mikrocip MyKad tidak disalahgunakan oleh orang lain.

54. PN-1133-L1606
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan bahawa RTM1 dan RTM2 tidak boleh diharapkan untuk bersaing dengan TV3 dan lain-lain stesen swasta untuk menyediakan hiburan tetapi mempunyai tugas-tugas lain. Apakah tugas RTM1 dengan 'Inforia' dan RTM2 dengan 'saluran famili' sebagai ALAT NEGARA.
55. PN-1133-L1816
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan dewasa ini media massa tempatan melaporkan kes suami yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga, adakah ini gara-gara kaum wanita yang semakin berkaliber.
56. PN-1133-L1975
Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg.Ahmad Raffae minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk meneruskan rancangan menubuhkan Lembaga Pembangunan Wilayah bagi negeri Sabah dan Sarawak bagi mengurangkan jurang pembangunan wilayah seperti yang dinyatakan dalam RMK-9. Apakah struktur pengurusan agensi tersebut.
57. PN-1133-L2003
Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan langkah-langkah yang patut diambil untuk membantu usahawan-usahawan dalam menceburi bidang perniagaan fillod dan kilang makanan binatang. Berapa lamakah tempoh untuk pihak Kementerian membuat keputusan bagi meluluskan permohonan geran atau pinjaman.
58. PN-1133-L1710
Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan sejauh manakah Kementerian telah bertindak memelihara khazanah warisan di negeri Selangor khususnya dan Malaysia amnya. Adakah bahasa Melayu serta tulisan jawi itu akan dijadikan sebahagian daripada usaha Kementerian untuk memartabatkannya.
59. PN-1133-L1857
Puan Mumtaz binti Md. Naw minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan :-
- (a) jenis-jenis program yang diterbitkan oleh RTM dan kos yang terlibat; dan
 - (b) amaun bayaran yang dibuat kepada ahli panel forum, 'talk-show' dan artis dalam program hiburan dan berapakah kos yang dibayar oleh RTM untuk sebuah drama dan drama bersiri dan program hiburan yang diterbitkan oleh pihak swasta.

60. PN-1133-L1997
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan sama ada Kementeriannya sudah pun membuat analisa impak penstrukturan MAS yang melibatkan pemberhentian penerbangan ke beberapa destinasi dan kenaikan harga ke atas industri pelancongan. Industri ini adalah sumber wang asing kedua terbesar dalam ekonomi negara. Maka kita tidak dan dijangka akan harus mengizinkan sesuatu apa menghalang peningkatan dan perkembangannya.
61. PN-1133-L2004
Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah rumah mesra rakyat yang telah diluluskan untuk negeri Kelantan pada tahun 2005 dan 2006; dan berapakah jumlah rumah yang telah siap dibina dan diduduki; dan berapa buah rumah mesra rakyat yang telah siap di kawasan Parlimen Gua Musang.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|----|----------------|--|-------------------------------|
| 1. | (D.R. 15/2006) | Rang Undang-undang Garis Pangkal Zon Maritim 2006 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 2. | (D.R. 14/2006) | Rang Undang-undang Ordinan No. 7 (Kuasa ² Perlu) Darurat (Pindaan) 2006 | “ |
| 3. | (D.R. 13/2006) | Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif (Pindaan) 2006 | “ |
| 4. | (D.R. 26/2006) | Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2006 | “ |
| 5. | (D.R. 22/2006) | Rang Undang-undang Penduduk dan Pembangunan Keluarga (Pindaan) 2006 | “ |
| 6. | (D.R. 24/2006) | Rang Undang-undang Taman Asuhan Kanak-kanak (Pindaan) 2006 | “ |
| 7. | (D.R. 29/2006) | Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2006) 2006 | “ |

8. PN-1133-U1419
Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin akan mencadangkan:-

"Berdasarkan kepada prinsip rukun negara, maka saya dengan ini ingin mengusulkan supaya setiap kali dewan bersidang sebaik sahaja selesai doa dibacakan, lagu Negaraku dimainkan dan dinyanyikan bersama-sama kerana ianya sesuai dengan slogan kepimpinan melalui teladan. Usul ini juga (dengan izin) Yang Dipertua Dewan Negara dapat dipanjangkan kepada Dewan Rakyat."

9. PN-1133-U1942

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyedari masalah kenaikan harga barang seperti minyak, gula, ayam, telur dan lain-lain telah menjadi isu yang menimbulkan keresahan di kalangan pengguna khususnya rakyat berpendapatan rendah. Masalah terus berlaku khususnya di musim-musim perayaan, ditambah dengan sikap para peniaga yang tidak bertanggungjawab kerana mengambil kesempatan terhadap kelemahan penguatkuasaan undang-undang yang sedia ada. Maka dengan ini Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan supaya diwujudkan segera 'Tribunal Harga' yang berfungsi untuk mengawal, menyelia dan memutuskan perkara-perkara yang berkaitan dengan kenaikan harga barangan. Ini bertujuan kepentingan pengguna terpelihara dan gejala ini tidak berulang saban tahun."

10. PN-1133-U1943

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyedari wujud persepsi negatif terhadap imej polis yang dikaitkan dengan beberapa insiden seperti salah guna kuasa dan penglibatan segelintir anggotanya dalam beberapa kes jenayah. Walau bagaimanapun tidak ada pihak yang boleh menafikan kejayaan dan kecekapan PDRM dalam membanteras jenayah apatah lagi mengawal keselamatan negara, seperti menghapuskan ancaman PKM dan kumpulan ajaran sesat. Maka Dewan ini menyokong pendirian PDRM yang menolak penubuhan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC). Ini kerana akta-akta yang sedia ada seperti akta polis dan sebagainya sudah memadai digunakan untuk meningkatkan disiplin dan imej polis."

11. PN-1133-U1944

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan mewujudkan satu Suruhanjaya untuk mengkaji keberkesanan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris. Kajian Suruhanjaya Khas ini hendaklah tertumpu kepada aspek apakah penguasaan Bahasa Inggeris para pelajar meningkat dengan sistem tersebut. Dan apakah kesannya pula kepada prestasi para pelajar dalam mata pelajaran Sains dan Matematik. Dengan adanya Suruhanjaya ini, maka kita tidak perlu menunggu tahun 2008 untuk melihat keberkesannya. Kerana dikhuatiri jika terlalu lambat mengambil tindakan, maka kesannya adalah lebih parah lagi."

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

<u>TAHUN 2006</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.193	Akaun Awam Persekutuan 2005	6 Disember 2006
CMD.7	Laporan ekonomi / Economic Report 2007	6 Disember 2006
CMD.8	Penyata Darpada Kementerian Kewangan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan, 2007	6 Disember 2006
CMD.9	Bajet Persekutuan 2007 Anggaran Perbelanjaan dan Bajet Program dan Prestasi 2007	6 Disember 2006
CMD.10	Buku Senarai Perjawatan 2007 (Jilid I) Buku Senarai Perjawatan 2007 (Jilid II) Buku Senarai Perjawatan 2007 (Jilid III)	6 Disember 2006
CMD.40	Laporan Maklum Balas Darpada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Akaun Awam dan Aktiviti Kementerian, Jabatan serta Badan Berkanun Persekutuan Bagi Tahun 2005.	6 Disember 2006
CMD.40A	Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan Tahun 2007	6 Disember 2006
CMD.41	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Akaun Awam dan Aktiviti Kementerian/ Jabatan Kerajaan Persekutuan Tahun 2005 Laporan Ketua Audit Negara Badan Berkanun Persekutuan Tahun 2007	6 Disember 2006